

10/12/2001

Tabung Haji lebih cekap jika dikawal ikut Bafia

KUALA LUMPUR, Ahad - Lembaga Tabung Haji (Tabung Haji) boleh membuat keputusan lebih cekap dan profesional jika urusan kewangan dan pelaburannya dikawal mengikut Akta Perbankan dan Institusi Kewangan (Bafia).

Prof Diraja Ungku Aziz, orang yang bertanggungjawab terhadap penubuhan Tabung Haji berkata, banyak urusan Tabung Haji diresapi budaya korporat sehingga mengubah tujuan asal penubuhannya.

Beliau berkata, pada masa sama Tabung Haji tidak diawasi satu badan perundangan atau akta khas bagi memastikan operasinya sentiasa dikawal selia oleh ahli lembaga pengarah yang profesional.

"Ini menyebabkan Tabung Haji terdedah kepada budaya korporat, iaitu segala urusan berunsurkan keuntungan hingga mengabaikan simpanan pendeposit. Ini boleh dielakkan jika urusan Tabung Haji dikawal mengikut Bafia," katanya, di sini hari ini.

Semalam, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, mengarahkan Tabung Haji membuat keputusan dengan lebih cekap dan profesional bagi mengembalikan semula keyakinan masyarakat terhadap pengurusan simpanan dan pelaburan dengan lembaga itu.

Perdana Menteri turut menyarankan sebarang keputusan tidak diputuskan seorang pegawai, tetapi oleh jawatankuasa yang meneliti dengan mendalam sesuatu perkara.

Ungku Aziz berkata, mengikut Bafia, segala urusan pentadbiran kewangan dan pelaburan sesebuah institusi kewangan terkawal dan dapat mengelak daripada penyelewengan.

Beliau berkata, dalam hal ini pegawai dan anggota panel pelaburan yang terbabit menentukan urusan Tabung Haji perlu bersikap profesional dan telus jika berdepan dengan sesuatu perkara.

"Jika berlaku kesilapan, tolong nyatakan. Baru profesional dan telus," katanya.

Beliau berkata, anggota jawatankuasa harus faham dengan fungsi sebenar Tabung Haji iaitu tempat menyimpan wang pendeposit di samping melabur untuk keuntungan penyimpan dengan mendapat dividen.

"Ketika saya mula-mula mencadangkan penubuhannya dulu, Tabung Haji adalah tempat orang Islam menyimpan wang bagi mengerjakan Haji dengan selamat dan mudah.

"Namun, fungsinya sekarang menyerupai bank, iaitu menyediakan perkhidmatan pengeluaran wang dengan mudah selain membuat pelbagai pelaburan yang akhirnya merugikan sehingga menjejaskan simpanan penyimpan.

"Perkara ini perlu difahami anggota panel ia sudah menyimpang daripada hasrat asal penubuhan Tabung Haji," katanya.

Oktober lalu, Menteri Di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Abdul Hamid Zainal Abidin, mengumumkan tujuh tokoh yang ada kepakaran dalam pelbagai bidang termasuk perniagaan, syarie dan kewangan sebagai anggota panel pelaburan lembaga.

Panel pelaburan itu dipengerusikan oleh Pengarah Urusan Kumpulan Amanah Capital Partners Berhad, Datuk Seri Syed Anwar Jamalullail.

(END)